

# DR. M: ASEAN BAHARUI

U.M. - 9 OCT 1974

**K**UALA LUMPUR  
8 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara anggota ASEAN perlu memperbaharui komitmen masing-masing dalam soal menjaga perasaan dan mengambil berat kepentingan satu sama lain.

Tegasnya, komitmen ini hendaklah menjadi asas kepada Agenda ASEAN sepanjang jalan ke tahun 2017.

## Konsep

Beliau berkata, komitmen terhadap konsep perundingan juga perlu diperbaharui di samping memperkukuhkan konsensus ASEAN yang wujud hari ini.

Dr. Mahathir menambah, negara-negara ASEAN juga perlu memperbaharui tanggungjawab masing-masing bagi memastikan ASEAN kekal sebagai asas pokok dalam keutamaan dasar luar semua anggota.

Beliau juga mahu ASEAN berusaha memperkukuhkan lagi kedudukan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dengan memperluaskannya hingga merangkumi seluruh Asia Tenggara.

"Kita perlu berusaha mengubah Asia Tenggara menjadi sebuah rantau yang makmur dan bersedia mengajak negara-negara Asia Timur yang lain menyertai ASEAN," kata Dr. Mahathir ketika beru-

① Mahathir

cap merasmikan Kongres ASEAN Pertama di sini hari ini.

Sehubungan dengan itu Perdana Menteri melahirkan harapannya agar keanggotaan ASEAN akan bertambah tidak lama lagi dari enam kepada sepuluh negara dengan kemasukan Vietnam, Laos, Kemboja dan Myanmar.

## Industri

Perdana Menteri seterusnya membayangkan kemungkinan wujud lebih daripada sebuah negara industri membangun di dalam ASEAN menjelang tahun 2017.

"Jika Vietnam, Laos, Kemboja dan Myanmar menyertai ASEAN, ada kemungkinan wujud negara-negara industri baru yang membangun di dalam ASEAN," katanya.

## Ekonomi

Dr. Mahathir menrgaskan, ASEAN tidak akan berjaya mencapai elemen-elemen ekonomi Jan politik dalam agendanya pada tahun 2017 melainkan negara-negara anggotanya sendiri bersungguh-sungguh meningkatkan kesedaran ASEAN di pelbagai peringkat.

Beliau memberitahu, ASEAN perlu bertindak dengan penuh tenaga dan semangat negarawan untuk menguatkan kedudukannya dalam lingkungan ekonomi rantau Asia Timur, di samping mengekal dan meningkatkan lagi hubungan dengan blok Eropah Barat dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

# KOMITMEN PERLU